

SOALAN NO:46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ

TARIKH: 17 NOVEMBER 2015

SOALAN:

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berdasarkan Indeks Pekerjaan di Malaysia suku kedua 2015, pengambilan pekerja di Malaysia telah meningkat berbanding suku pertama, sejauhmanakah ianya telah mempengaruhi kadar pengangguran golongan belia di negara ini dan nyatakan transformasi sektor perkhidmatan berdasarkan laporan ini.

PR-1333-L69851

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia bagi April hingga Jun 2015, bilangan penduduk bekerja pada suku tahun pertama 2015 adalah seramai 13.754 juta orang iaitu pertambahan seramai 55,800 orang berbanding pada suku tahun pertama 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) 2011-2015, sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan menyumbang 55% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan 8 juta pekerjaan yang mewakili 61% daripada jumlah pekerjaan negara. Menjelang tahun 2020, pembangunan sektor perkhidmatan akan berpandukan kepada *Blueprint* Sektor Perkhidmatan yang bermatlamat meningkatkan potensi dan mentransformasikan sektor ini kepada sektor berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 6.9% setahun dan menyumbang 56.5% kepada KDNK pada tahun 2020, dan menyediakan 9.3 juta pekerjaan berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016-2020.

3. Seperti yang telah ditekankan dalam pelbagai pelan pembangunan, komponen penting dalam pembangunan negara ialah modal insan. Maka usaha berterusan adalah perlu dalam menghasilkan, menarik dan yang lebih penting, mengekalkan tenaga kerja mahir yang bekerja dalam sektor perkhidmatan.